

17/07/2001

Tahanan ISA: Kerajaan tidak akan minta maaf

MELAKA, Isnin - Kerajaan tidak akan meminta maaf kepada sesiapa berhubung penahanan 10 orang mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) demi menjaga kepentingan majoriti rakyat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, tindakan itu diambil demi keselamatan rakyat dalam negara supaya tiada yang terbunuh atau tercedera akibat rusuhan dan demonstrasi yang dirancang oleh mereka yang ditahan.

"Keselamatan negara adalah lebih penting daripada membebaskan 10 tahanan ISA itu," katanya pada majlis jamuan makan rakyat bersama Perdana Menteri di Dataran Sejarah Ayer Keroh di sini, malam tadi.

Dr Mahathir berkata, penahan mereka bertujuan untuk mencegah jenayah termasuk mereka yang hendak melakukan demonstrasi jalanan yang boleh menyebabkan rakyat terbunuh dan tercedera.

"Kita tidak boleh korbankan nyawa orang ramai semata-mata hendak mempertahankan cara dan undang-undang yang dilaksanakan di negara lain," katanya.

Perdana Menteri berkata, mungkin ada segelintir pihak mengatakan mereka yang ditahan itu sepatutnya melakukan jenayah terlebih dahulu sebelum dihukum.

"Kita tidak mahu ada yang terbunuh atau tercedera terlebih dahulu dan barulah tindakan menahan mereka hendak dilakukan kerana masyarakat akan lebih memberi kecaman.

"Tindakan yang dirancang oleh mereka boleh menyebabkan orang terbunuh dan adalah tidak bijak sekiranya menahan mereka selepas ramai yang terbunuh atau cedera.

"Bagi mereka yang terbunuh, sudah tentu keluarga mereka tidak berasa menahan mereka selepas peristiwa itu adalah tindakan yang bijak," katanya.

(END)